

Makna dalam Puisi Terpilih Usman Awang

Meaning in Selected Poetries by Usman Awang

NUR AMIRAH CHE SOH & ROHAIDAH KAMARUDDIN

ABSTRAK

Semantik merupakan salah satu bidang kajian bahasa yang mengkaji makna dalam kepelbagaian penggunaan medium bahasa. Perbincangan makna ini merangkumi keseluruhan makna yang ingin disampaikan oleh penulis sama ada dihubungkan dengan situasi atau zaman sesuatu karya tersebut dihasilkan. Keterbatasan dalam penghasilan karya pada zaman negara masih terjajah menyebabkan golongan penulis lebih berhati-hati dalam pemilihan kata. Fungsi karya sastera juga sebagai wadah pendorong semangat juang bangsa Melayu pada ketika itu kerana makna yang suatu karya bukan pada dasarnya sahaja tetapi terkandung juga makna sebaliknya. Makna sebaliknya yang cuba disampaikan oleh Usman Awang dalam karyanya akan dibincangkan dalam makalah ini. Penghuraian makna bukan hanya terbatas pada bentuk leksikal tetapi konteks makna, maka puisi Usman Awang sebenarnya bukan sahaja mendukung makna dasar tetapi wujud makna sebaliknya yang cuba disampaikan oleh beliau secara halus. Makalah ini akan memanfaatkan empat buah puisi Usman Awang, iaitu Anjing Itu, Ayah Belum Pulang (Kisah Setelah Mogok), Keranda 152 dan Pak Utih.

Kata kunci: Puisi; makna; Usman Awang; semantik; makna konteks

ABSTRACT

Semantics is a field of linguistics that studies the meaning of the various language medium usages. The argument over meaning encompasses the entire aim that the author wants to convey. Whether the meaning is related to situation or the age that certain arts were produced. The restriction in the producing of arts during the colonization period made the authors controlled in the process of selecting words. The function of the literary works as the medium that called forth the courage and spirit among Malaya people was because of the meaning of the arts which were produced not only based on the literal contents but also the out of sight meanings. The concealed meanings of Usman Awang that he wanted to convey through his arts will be discussed in this article. The explanations of meaning are not only restricted in lexical forms, but it also includes the contextual meanings. As a result, Usman Awang's poetries were not only based on lexical meanings but also it implied the contextual meanings that he wanted to convey indirectly. The article will include 4 poetries produced by Usman Awang such as Anjing Itu, Ayah Belum Pulang (Kisah Setelah Mogok) Keranda 152, and Pak Utih.

Keywords: Poetry; meaning; Usman Awang; semantics; contextual meanings

PENDAHULUAN

Usman Awang atau lebih dikenali dengan Tongkat Warrant telah dinobatkan sebagai Sasterawan Negara pada 7 Disember 1983. Usman Awang juga merupakan tokoh ASAS 50 yang terlibat dalam penghasilan karya-karya yang bertunjangkan slogan "Seni untuk Masyarakat". Karya-karya beliau segar dengan rasa kemanusiaan, romantik dan akrab dengan akar budi Melayu. Beliau antara penulis yang mengekalkan ciri-ciri pantun dalam sebahagian sajaknya, walaupun telah melonggarkan beberapa ikatan konvensional. Sesetengah sarjana berpendapat Usman Awang berpegang kepada ideologi sosialis kerana sebilangan karyanya

berunsur protes, tanpa sempadan bangsa, negeri dan benua. Antara sajaknya yang popular termasuklah "Bunga Popi", "Gadis di Kuburan", "Pak Utih", "Ke Makam Bonda", "Nasib Buruh" dan "Salam Benua".

Puisi beliau banyak menggunakan simbolik yang tertentu dalam penyampaian mesej kerana zaman dan keadaan semasa beliau berkarya, negara masih di bawah pemerintahan penjajah. Pengkaji tertarik untuk membincangkan makna dalam puisi terpilih Usman Awang ini kerana puisi ciptaan beliau mengandungi unsur-unsur tersirat dan bukan sahaja mendukung makna dasar. Patah kata yang digunakan dalam puisi beliau berupaya menghuraikan makna sesuatu perkataan secara meluas dan tidak khusus.

Penghuraian makna secara meluas ini perlu kerana setiap perkataan mempunyai bidang makna yang berbeza sama ada dalam bahasa lain atau dalam konteks yang berbeza (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. 2001:127).

Penghasilan karya Usman Awang yang sebahagian besarnya dalam bentuk puisi merupakan salah satu cara penulis menyampaikan makna dalam bentuk yang lebih berlapik. Makalah ini akan mengupas makna kata yang digunakan dalam puisi beliau. Perkataan-perkataan yang digunakan oleh Sasterawan Negara ini lebih bersifat konotatif dan juga ada maksud yang tersirat di sebalik sesuatu perkataan. Hal ini selaras dengan kenyataan Muhammad Haji Salleh berkenaan penggunaan bahasa dalam puisi;

Bahasa adalah suatu alat yang penuh rahsia; padanya ada badan, ada bentuk, ada suara, ada makna dasar, makna hubungan / sampingan atau konotasi dan ada pula peribadi. Bahasa puisi itu umumnya lebih kental dan membawa bahan makna dan bunyi yang lebih berat dari bahasa seharian. Sering juga bahasa ini lebih halus; digunakan dengan lebih dinamis, seperti yang tidak digunakan di dalam bahasa prosa atau percakapan harian.

(Muhammad Haji Salleh 1984:9)

Berdasarkan kenyataan oleh Sasterawan Negara, Muhammad Haji Salleh, bahasa sebagai medium penyampaian puisi itu sendiri mendukung satu atau lebih daripada satu makna didalamnya. Namun dalam penulisan puisi medium bahasa itu berperanan lebih daripada menyampaikan makna malah menyampaikan apa yang terbuku di jiwa penulisnya. Nilai estetika yang terdapat dalam penulisan genre sastera itu sendiri menjadikan puisi lebih bersifat tersirat berbanding tersurat sehingga penulis sedaya mungkin menggunakan bahasa yang lebih berlapik dan sopan. Oleh hal yang demikian, dalam puisi karya Usman Awang, beliau lebih memilih untuk berlapik dalam penulisannya walaupun sesetengah puisinya ditulis atas dasar rasa ketidakpuasan hatinya pada waktu itu.

PERBINCANGAN

Karya Usman Awang masih lagi menjadi sebahagian daripada kajian sastera dan juga kajian bahasa. Pengolahan dalam karya beliau yang lebih bersahaja dan sentiasa berkarya untuk masyarakat membuatkan karya beliau cukup dekat di hati setiap para pembacanya. Dengan mendukung slogan “Seni untuk Masyarakat”, Usman Awang cukup peka dengan persekitaran beliau dan setiap kejadian yang

berlaku di sekeliling beliau diolah menjadi sebuah karya yang cukup kreatif. Susunan bait kata yang menimbulkan rima yang sekata dan sedap didengar, beliau juga tidak mengetepikan bahasa sebagai wadah penyampaiannya.

Menurut Anis Sabirin (1973), puisi dan bahasa itu amat rapat hubungannya. Hubungan ini yang menyebabkan suatu puisi itu terbentuk daripada susunan bahasa yang bukan sahaja bertujuan untuk menghasilkan bunyi yang menarik tetapi juga untuk menyampaikan sesuatu amanat dengan lebih bermakna dan bijaksana. Walaupun interpretasi makna sesuatu mempunyai olahan rasa tersendiri yang ingin disampaikan.

Misalnya, karya Usman Awang yang dimuatkan berjudul “*Anjing Itu*” merupakan luahannya terhadap sikap golongan penjajah pada waktu itu. Penerbitan karyanya seiring dengan kemunculan Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) yang memperjuangkan nasib masyarakat dalam karya-karya yang dihasilkan. Pada waktu itu juga tema dan persoalan yang menjadi tumpuan para karyawan berhubung dengan masyarakat, penderitaan darurat, penindasan penjajahan, kecurangan dan ketidakadilan serta pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat zaman itu.

PUISI ANJING ITU

Anjing Itu
Anjing itu kurus kelabu
Lidah terjelir nafas termengah-mengah
Menjaga istana tuannya yang gemuk
Patuh setia, menerima dan menyerah.

Anjing itu, sering menyalak-nyalak selalunya
mendayu-dayu
Bukan kerana ada musuh
Tetapi meminta makanan, perutnya lapar
Tuannya hanya mencampakkan cebis-cebis roti
kering.

Anjing itu, tidak dibebaskan
Lehernya dirantai, punca digenggaman tuannya.

Anjing itu, bila perlu, diperah
Bagi menjaga keselamatan tuannya
Menjadi binatang lindungan desakan luar
Dan himpitan dalam

Begitu rupa nasib, anjing itu
Kurus kering, dalam semuanya tak cukupkan

Hanya menanti rahim tuannya
 Cebis-cebis roti kering
 Dan tulang-tulang tak berdaging
 Itulah jadi makanan, dan hidup jadi
 Alat kesenangan manusia jahat
 memperhambakannya.

Siapa anjing
 Hanya binatang setia

(Zurinah Hassan 1990)

Misalnya, baris ketiga dalam rangkap pertama puisi tersebut menyatakan “*Menjaga istana tuannya yang gemuk*”. “*Istana*” selalunya digambarkan seperti tempat yang indah dan mewah serta didiami oleh golongan yang tertentu seperti raja, sultan atau pemerintah. Selain itu, “*Istana*” juga merujuk pada mahligai yang indah yang menjadi impian orang kebanyakan tetapi tidak mampu di miliki dalam dunia realiti. Walau bagaimanapun, “*Istana*” dalam puisi ini sebenarnya merujuk pada kediaman yang mewah yang dimiliki oleh individu yang berharta. Hal ini kerana, perkataan “*Gemuk*” dalam puisi itu juga bukan semata-mata merujuk pada individu yang berisi, gempal, debab atau sihat tetapi menggambarkan individu yang hidupnya senang lenang dengan kemewahan yang dimilikinya.

Seterusnya dalam baris pertama, rangkap keempat, penulis menyatakan “*Anjing itu, bila perlu, diperah*”, perkataan “*diperah*” selalunya merujuk pada kain atau pakaian yang lebih fleksibel sifatnya. Jika dilihat dalam puisi ini perkataan “*diperah*” merujuk pada seekor anjing yang sifatnya garang dengan lidah terjelir mana mungkin boleh di perah. Secara logiknya gambaran dalam puisi tersebut tidak mungkin akan berlaku kerana ia bertentangan dengan realiti sebenar. Penulis sebenarnya menggambarkan perkataan “*anjing*” simbolik kepada manusia manakala perkataan “*diperah*” pula mendukung maksud tenaga yang dikerah atau berhempas pulas terhadap sesuatu perkara.

Baris ketiga dalam rangkap kelima “*Hanya menanti rahim tuannya*” juga merupakan simbol yang digunakan oleh penulis untuk menggambarkan sifat “*anjing*” yang setia kepada tuannya walau dalam apa jua keadaan. Perkataan “*rahim*” merujuk kepada tempat yang terdapat dalam kandungan seorang ibu. “*Rahim*” juga boleh merujuk kepada nama seseorang. Walau bagaimanapun, dalam puisi “*Anjing itu*”, Usman Awang sebenarnya ingin menggambarkan kesetiaan yang teramat terhadap sesuatu sehingga

melahirkan rasa taat yang tidak berbelah bahagi. Perkataan “*rahim*” itu juga menunjukkan kesetiaan yang tinggi sehingga sanggup mengetepikan kepentingan diri sendiri demi seseorang.

Penghasilan puisi “*Anjing itu*” pada tahun 1950 adalah pada waktu negara masih di bawah pemerintahan penjajah barat. Pemberontakan dalam jiwa penulis tidak digambarkan secara terus-terang tetapi menggunakan simbol-simbol yang tertentu sebagai medium untuk menyampaikan mesej. Pada waktu itu juga penciptaan puisi yang menjadi wadah pilihan para karyawan kerana susunan kata-katanya yang lebih selamat dan tidak lebih terbuka jika dibandingkan dengan cerpen, novel atau drama. Tambahan lagi, tahun 1950 juga menunjukkan timbulnya rasa tidak puas hati terhadap penjajah dalam kalangan masyarakat serta perasaan ingin bebas daripada belenggu penjajah.

Kebebasan yang diberikan oleh pihak Inggeris pada waktu itu menyemarakkan lagi semangat penulis untuk menghasilkan karya-karya sebagai luahan rasa ketidakpuasan hati. Selain itu, pihak Inggeris telah membawa masuk alat percetakan yang lebih membuka ruang dalam penghasilan karya-karya sastera. Tambahan lagi, sekatan tidak dikenakan serta pengawasan khusus terhadap karya-karya yang dihasilkan jika dibandingkan dengan zaman pemerintahan Jepun.

Peluang yang diberikan oleh pihak Inggeris telah menyebabkan timbulnya perasaan berani untuk menentang penjajah dan menyuarakan rasa ketidakpuasan hati untuk membangkitkan kesedaran dalam kalangan penduduk tanah Melayu. Para karyawan pada waktu itu memanfaatkan peluang ini dengan sebaik-baiknya kerana melalui penghasilan puisi yang lebih tersirat serta selamat dengan keadaan zaman itu, penduduk tanah Melayu dapat mendalami jiwa penulis serta mula sedar akan hak mereka sebagai bangsa yang bebas daripada penjajah.

Puisi *Anjing itu* yang dihasilkan pada 1950 itu merupakan luahan rasa tidak puas hati penulis terhadap golongan penjajah yang bersenang lenang di tanah Melayu. Kekayaan yang dimiliki oleh golongan penjajah yang sepatutnya menjadi hak milik mutlak rakyat. Akibat penjajah penduduk tanah Melayu terpaksa berkhidmat kepada golongan penjajah sehingga melupakan hak-hak mereka sebagai penduduk asal tanah Melayu.

“*Anjing itu*” dalam puisi ini merujuk kepada pihak polis yang terdiri daripada penduduk tempatan ditugaskan untuk menjaga ladang-ladang orang putih. Kesetiaan polis-polis tempatan tersebut

dipersoalkan oleh beliau kerana pengorbanan yang dilakukan sama ada untuk negara atau semata-mata untuk kemudahan penjajah. Hal ini kerana, pemilik ladang-ladang boleh bersuka ria dan hanya mengaut keuntungan daripada hasil ladang-ladang tersebut manakala polis-polis tempatan pula yang bertungkus-lumus untuk memastikan agar ladang-ladang dalam keadaan yang selamat.

Penderitaan yang dialami oleh polis-polis tempatan ini bukan sahaja tidak tidur, tidak makan malah boleh mati akibat peluru sesat. Perasaan ini semakin dirasai apabila hasil ladang-ladang tersebut dihantar ke luar negara sedangkan yang bertungkus lumus adalah polis-polis tempatan pada waktu itu. Gambaran masyarakat penjajah pada waktu itu yang hidup dalam keseronokan serta kemewahan menyebabkan Usman Awang merasakan ketidakadilan berlaku terhadap penduduk tanah Melayu.

Penghasilan puisi ini sebenarnya untuk menyedarkan penduduk tanah Melayu bahawa tekanan yang dilakukan oleh pihak penjajah. Penduduk dikerah tenaga tanpa bayaran yang setimpal ditambah dengan keselamatan nyawa hanya semata-mata untuk menjaga harta benda yang dimiliki oleh penjajah. Oleh sebab itu, penggunaan simbolik “anjing” dalam puisi ini semata-mata untuk menggambarkan kesetiaan polis-polis tempatan yang sanggup bergadai nyawa semata-mata untuk menjaga harta benda penjajah.

PUISI AYAH BELUM PULANG (KISAH SETELAH MOGOK)

Ayah Belum Pulang, 1961

(Kisah Setelah Mogok)

Anak-anak menanti ayahnya kembali
ah, berkocak dadanya dalam janji
sekotak ais krim dari ayah
mana ayah? Anak masih menanti.

Betapa ayah tak pulang-pulang
penjual ais krim berkali ulang
nanti nak, ayah di perjalanan
tapi berapa lama menanti
ayah masih tak tiba lagi.

Pulanglah ayah wajahnya basah
tangan si anak panjang menadah
tapi, anak sayang, saksikanlah
ayah tak punya rokok sebatang
janji jadi tangis maha pedih

nantilah, anak sayang, jika pak cikmu datang
mungkin dia membawa sekotak ais krim.

Tapi berbulan pak cik tak pernah datang
ayah masih jua mencari pekerjaan

(Zurinah Hassan 1990)

Puisi *Ayah Belum Pulang*, dalam rangkap ketiga baris yang pertama menyatakan “*pulanglah ayah wajahnya basah*”. Pada dasarnya baris dalam puisi tersebut menggambarkan seorang ayah yang pulang dengan wajah yang basah. “*Basah*” boleh merujuk pada baju yang basah, rambut yang basah, dan sebagainya. Penulis sebenarnya ingin menggambarkan wajah seorang ayah yang pulang dalam keadaan yang letih setelah bertungkus-lumus mencari mata pencarian namun masih tidak mampu membelikan ais krim untuk anak-anaknya.

Penulis melakarkan watak ayah dalam puisi secara lebih berhemah dan menggunakan perkataan yang mampu meninggalkan kesan dalam kalangan pembaca. Realitinya wajah ayah dalam puisi ini bukan basah akibat terkena air atau sebagainya tetapi menggambarkan kesusahan hidup yang terlalu miskin dan dalam masa yang sama, seorang ayah itu tidak sampai hati untuk menghampakan perasaan anak-anaknya. Hal ini jelas tergambar dalam baris puisi yang seterusnya iaitu “*tangan si anak panjang menadah*” yang menunjukkan pengharapan yang begitu tinggi daripada seorang anak yang masih belum memahami tentang erti kemiskinan.

Belunggu kemiskinan yang terlalu menghimpit juga dapat di tafsir dalam perkataan “*basah*” apabila pada hakikatnya wajah ayah pada waktu itu bercampur baur antara kemiskinan hidup dengan keinginan anak yang di sayangnya. Simbolik daripada perkataan itu juga menunjukkan bahawa seorang ayah itu tidak sanggup berhadapan dengan anaknya kerana dia tahu dia tidak mungkin dapat memenuhi permintaan anaknya. Jika dilihat pada rangkap yang sebelumnya memperlihatkan penantian si anak sentiasa tertangguh apabila ayah tidak pulang-pulang. Namun pengharapan si anak yang tidak putus-putus menanti kepulangan ayah menyebabkan si ayah semakin luluh hatinya sehinggakan penulis menggambarkan dalam bait “*pulanglah ayah wajahnya basah*”.

Seterusnya dalam rangkap yang sama, baris keempat, penulis menggambarkan lagi kemiskinan yang mereka alami bukan setakat tidak mampu memenuhi kehendak hidup tetapi keperluan hidup

juga masih belum mencukupi. Baris keempat “ayah tak punya rokok sebatang” jika dilihat dalam fenomena masyarakat zaman sekarang tiada rokok tidak semestinya individu itu dikatakan sebagai seorang yang miskin. Pada zaman sekarang rokok merupakan satu kehendak yang menjadi pilihan sesetengah golongan yang mampu juga dimiliki oleh orang miskin.

Keadaan ini berbeza dengan suatu masa dahulu yang masyarakat kampung itu amat sinonim dengan rokok. Rokok pada masa dahulu juga bukan bernilai tinggi seperti sekarang dan rokok bagi masyarakat kampung berupa rokok daun. Pada zaman dahulu juga rokok dalam kategori keperluan bukan kehendak yang hanya dapat dicapai apabila seseorang itu mempunyai berpendapatan yang lebih. Masyarakat kampung dahulu, kehidupan mereka dengan rokok tidak dapat dipisahkan dan sudah menjadi sebahagian dalam santapan rutin mereka.

Kemiskinan jelas tergambar apabila rokok yang rendah nilainya tidak mampu dimiliki sedangkan ia seakan keperluan hidup suatu ketika dahulu. Situasi ini menunjukkan di mana seorang ayah itu bukan tidak mahu memenuhi kemahuan anaknya tetapi keperluan dirinya sendiri juga tidak mampu dipenuhinya. Seorang ayah digambarkan dalam puisi ini bukan tidak bertanggungjawab tetapi tidak mampu memenuhi kehendak anaknya tanpa kerelaan hatinya sendiri.

Baris seterusnya berbunyi “janji jadi tangis maha pedih” menunjukkan kesan daripada kemahuan anaknya yang tidak dapat dipenuhi, si ayah juga tidak mahu perkara seperti itu berlaku. Keadaan yang memaksa si ayah berbuat demikian dan puisi ini ditulis semasa kemiskinan yang di alami sendiri oleh penulis.

PUISI KERANDA 152

Keranda 152, 1967

Anak Melayu

Panas dadamu membakar baju

Kita arak Keranda 152

Ke tanah perkuburannya parlimen

Sepuluh tahun nafas ini terhenti

Hari ini jangan lagi menyanyi

Sebentar lagi malam akan tiba

Tiap pintu dan jendela sudah dijaga

Bayang-bayang tidak bisa lewat jalan raya

Anak Melayu

Namamu telah diseru

Jawablah

Sebelum lidahmu jadi bisu.

(Zurinah Hassan 1990)

Puisi *Keranda 152* di tulis oleh Usman Awang untuk memberi gambaran tentang kedudukan bahasa Melayu. Rangkap pertama baris kedua “panas dadamu membakar baju” secara asasnya menunjukkan panas di dada sehingga menyebabkan baju terbakar. Perkataan “membakar” selalunya dikaitkan dengan api, bara, hangus, dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa kewujudan api yang boleh menyebabkan perkataan “membakar” itu berlaku. “Panas” tidak mungkin akan menyebabkan terbakarnya baju yang dipakai.

“Panas dadamu membakar baju” sebenarnya simbolik yang digunakan oleh penulis untuk menggambarkan kemarahan di dalam yang membuak-buak sehingga disamakan dengan api. Perkataan “membakar” merujuk pada kewujudan api yang marak dan menyala-nyala dan dalam puisi ini penulis seakan-akan menyatakan bahawa kemarahannya terhadap sesuatu diibaratkan seperti api yang marak dan menyala-nyala. Kemarahan dalam dirinya diibaratkan seperti api yang menyala sehingga mampu membakar sesuatu.

Baris seterusnya dalam rangkap yang sama “kita arak Keranda 152” seperti penulis menceritakan tentang orang yang ramai bersama-sama mengusung keranda. Perkataan “arak” bukan merujuk pada kesedihan, kemurungan, kehampaan, kekecewaan, kepedihan, dan kesayuan semasa mengarak keranda tersebut tetapi seakan-akan suatu pesta yang meriah sewaktu mengarak keranda 152. Keranda merujuk kepada peti untuk menguburkan mayat, larung atau long. Secara norma, apabila mengusung keranda pasti suasana di situ dalam keadaan yang sedih, pilu, meratapi, hiba, kecewa, hampa, dan luluh kerana keranda cukup sinonim dengan kematian, pemergian, dan kehilangan.

“Keranda 152” merupakan simbolik kepada fasal 152 dalam perlembagaan 1957 yang menyatakan bahawa kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tercabar oleh bahasa Inggeris. Tindakan kerajaan yang ingin mengangkat kedudukan bahasa Inggeris setara dengan kedudukan bahasa Melayu menimbulkan pelbagai reaksi yang negatif dalam kalangan rakyat tempatan. Fasal 152 diibaratkan

sebagai “*Keranda 152*” kerana perkara yang termaktub dalam fasal tersebut tidak dipertahankan.

Baris seterusnya “*Ke tanah perkuburannya parlimen*” menunjukkan keranda tadi di arak ke tanah perkuburan. Jika “*Keranda 152*” itu simbolik kepada fasal 152 yang termaktub dalam perlembagaan seharusnya “*perkuburannya parlimen*” itu tidak merujuk kepada tempat pengebumian. “*Perkuburannya parlimen*” merujuk kepada tempat dimana memorandum bertajuk Rang Undang-Undang Bahasa Kebangsaan 1967: Memorandum Hussein Onn. Rang undang-undang tersebut dibentangkan di Parlimen kerana mengemukakan hujah bahawa matlamat yang terkandung dalam fasal 152 tidak dilaksanakan iaitu tentang status bahasa Melayu. “*Perkuburannya parlimen*” di sini merujuk pada tempat di mana pemerintah berbahas tentang pandangan dan cadangan daripada rakyat tentang pelaksanaan yang dilakukan dalam negara.

Rangkap yang terakhir dalam baris terakhir menyatakan “*Sebelum lidahmu jadi bisu*”, perkataan “*bisu*” merujuk kepada keadaan yang tidak dapat bercakap, kelu, dan diam. Perkataan “*Sebelum lidahmu*” seperti menyatakan bahawa seseorang itu tahu bila lidahnya akan menjadi bisu sedangkan pada dasarnya setiap manusia itu tidak akan tahu bila dia akan menjadi bisu. Oleh yang demikian, dalam rangkap tersebut sebenarnya penulis ingin menggambarkan supaya anak Melayu itu lantang dan berani menyuarakan pendapat dan bukannya menyerah bulat-bulat kepada pemerintah.

“*Lidahmu jadi bisu*” merujuk pada lidah yang sudah tidak mampu lagi berbicara sedangkan kebolehan bertutur, bercakap, menyuarakan, mengatakan, meluahkan sesuatu itu masih ada. Baris ini juga bukan bermaksud keupayaan seseorang untuk berkata-kata itu hilang atau sudah tiada tetapi kemampuan, kekuatan, semangat itu seakan-akan hilang dan tertanam dalam jiwa apabila perasaan takut, kalah, dan berundur wujud dalam diri.

PUISI PAK UTIH

Pak Utih, 1954

Punya satu isteri mahu dakap sampai mati,
Lima anak mahu makan setiap hari,
Teratak tua digayuti cerita pusaka,
Sebidang tanah tandus untuk huma.

Kulit tangan tegang belulang,
Biasa keluaran peluh beberapa saja,
O Pak Utih, petani berjasa.

Tapi malaria senang menjenguk mereka,
Meski dalam sembahyang doa berjuta,
Dan Mak Utih biasa panggil dukun kampung,
Lalu jampi mantera serapah berulang-ulang.

Betapa Pak Dukun dan bekalan pulang,
Wang dan ayam dara diikat bersilang.

II

Di kota pemimpin berteriak-teriak,
Pilihan raya dan kemerdekaan rakyat,
Seribu kemakmuran dalam negara berdaulat,
Jambatan emas kemakmuran sampai ke akhirat.

Ketika kemenangan bersinar gemilang,
Pemimpin atas mobil maju ke depan, dadanya terbuka,
Ah, rakyat tercinta melambaikan tangan mereka.

Di mana-mana jamuan dan pesta makan,
Ayam panggang yang enak di depan,
Datang dari desa yang dijanjikan kemakmuran.
Pak Utih masih menanti dengan doa,
Bapak-bapak pergi ke mana di mobil besar?

(Zurinah Hassan 1990)

“*Punya isteri mahu dakap sampai mati*” dalam bahagian pertama puisi, baris pertama, rangkap yang pertama seperti penulis ingin menyatakan bahawa seorang suami yang ingin mendakap atau memeluk isterinya sampai mati. Jika dalam realiti mana mungkin seorang suami berbuat demikian kerana tanggungjawab seorang suami itu memerlukan dia meninggalkan isterinya untuk mencari nafkah dan keperluan hidup. Perkataan “*dakap*” di sini bukan merujuk kepada perlakuan yang ingin memeluk tetapi perasaan cinta, sayang, dan kasih terhadap isterinya. “*Mahu dakap sampai mati*” pula merujuk kepada selagi hayat hidupnya di kandung badan perasaan kasih, cinta dan sayangnya terhadap isterinya tidak akan luput dan berkekalan sehingga ke akhir nyawa.

Rangkap yang kedua, baris yang pertama “*Tapi malaria senang menjenguk mereka*” merujuk pada malaria yang mengintai, menjenguk dan melihat apa yang Pak Utih dan sekeluarga lakukan. “*Malaria*” merupakan sejenis penyakit yang berpunca daripada nyamuk yang boleh mengakibatkan kematian. Suasana kampung yang digambarkan dalam puisi Pak Utih ini kerana latar belakang Pak Utih itu sendiri sebagai seorang petani menunjukkan

kawasan tempat tinggal mereka berhampiran atau di kelilingi hutan. Kawasan hutan ini yang mengakibatkan pembiakan nyamuk sehingga menyebarkan penyakit yang membahayakan nyawa.

Baris seterusnya “*Meski dalam sembahyang doa berjuta*” merupakan kesinambungan bagi baris yang sebelumnya iaitu “*tapi malaria senang menjenguk mereka*” menunjukkan bahawa Pak Utih sekeluarga tidak putus-putus memohon doa pada yang Satu tetapi serangan malaria tetap menjadi – jadi dan tidak berkurangan. Penulis menggunakan “*doa berjuta*” bagi menunjukkan usaha yang terlalu kerap kali dan sentiasa berharap agar serangan malaria akan berhenti daripada menyerang mereka sekeluarga.

“*Lalu jampi mantera serapah berulang-ulang*” merujuk kepada selain usaha memohon doa, mereka sekeluarga juga memanggil dukun untuk mengubati penyakit malaria yang menyerang mereka sekeluarga. “*Jampi serapah*” boleh difahami juga sebagai mantera, kata-kata keramat, dan pemujaan terhadap sesuatu kerana menginginkan sesuatu perkara yang bermanfaat. Situasi ini menunjukkan masyarakat dahulu masih berpegang pada amalan nenek moyang mereka yang berfahaman animisme iaitu percaya pada kuasa alam yang mampu mendatangkan kemudharatan jika tidak di puja atau di sembah.

Seterusnya dalam bahagian yang kedua puisi, pada rangkap pertama, baris yang keempat “*Jambatan emas kemakmuran sampai ke akhirat*”. “*Emas*” dalam baris ini boleh merujuk kepada kemewahan, kekayaan, dan kesenangan yang diimpikan oleh individu kerana sukar untuk memilikinya. Namun, dalam baris ini “*jambatan emas*” merujuk kepada janji-janji yang di utarakan oleh pihak pemerintah semasa pilihan raya. Janji-janji tersebut digambarkan seperti “*jambatan emas*” kerana janji yang diperkatakan oleh pemimpin-pemimpin semasa pilihan raya tinggi menggunung sehingga menggambarkan yang indah-indah belaka. Rakyat yang berharap kepada pemimpin yang di sokong mampu membawa seribu sinar dalam kehidupan mereka di masa yang akan datang.

“*Pemimpin atas mobil maju ke depan, dadanya terbuka*” baris ini menggambarkan keadaan pemimpin setelah kemenangan berpihak kepadanya. “*Dada terbuka*” merujuk kepada belahan baju yang tidak di butang sehingga menampakkan bahagian dada atau mendedahkan bahagian dada. Ironinya keadaan ini sebenarnya menggambarkan seorang pemimpin itu setelah meraih kemenangan merasa megah dengan kekuasaan yang dimilikinya. Pemimpin juga digambarkan dalam keadaan serba

mewah setelah mencapai satu tahap dimana dia mampu berdiri kukuh dengan kekuasaan yang ada.

Dalam rangkap yang terakhir, baris keempat “*Pak Utih masih menanti dengan doa*” merujuk pada usaha Pak Utih yang masih tidak berputus asa untuk memohon supaya kehidupan mereka lebih baik. Namun dalam baris tersebut sebenarnya ingin menyatakan tentang Pak Utih yang juga mengharap kepada pemimpin yang di sokong supaya dapat membantu dan membangunkan kampung mereka. Namun, janji hanya tinggal janji bila pemimpin memiliki kekuasaan yang diimpikan oleh mereka, mereka mula melupakan tanggungjawab terhadap golongan rakyat. Misalnya, dalam puisi ini, Pak Utih berharap supaya kehidupan mereka sekeluarga bebas daripada belenggu kemiskinan dan serangan malaria yang membahayakan nyawa mereka.

KESIMPULAN

Makna bukan sahaja dibincangkan daripada sudut leksikal sahaja tetapi memperlihatkan keperibadian penulis tersebut dan zaman yang mempengaruhi penulisannya pada ketika itu. Secara asasnya, dapat dirumuskan sesuatu perkataan memperoleh makna melalui keperihalalan keadaan dan konteks situasi yang wujud semasa perkataan itu digunakan. Selain itu, keupayaan penggunaan kata dalam puisi Usman Awang memperlihatkan makna sesuatu perkataan itu adalah luas dan tidak khusus. Oleh hal yang demikian, sesuatu makna yang serupa mungkin mempunyai makna yang berlainan dalam bahasa lain atau dalam konteks-konteks lain.

Secara keseluruhannya, makna dalam puisi-puisi Usman Awang melampaui pemikiran dasar pembaca jika dilihat daripada sudut situasi serta latar zaman puisi tersebut dihasilkan kerana karya - karyanya banyak menggunakan unsur - unsur simbolik. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam karya Usman Awang tidak semestinya menggambarkan satu makna sahaja, iaitu mendukung makna denotatif tetapi boleh memperjelaskan seribu makna yang tersirat di sebalik satu-satu perkataan tersebut. Pengaplikasian patah kata yang mampu mendukung kepelbagaian makna dalam puisi-puisi Usman Awang, menjadikan puisi beliau bukan sahaja indah pada indera dengar pembaca tetapi dalam masa yang sama sarat dengan mesej dan amanat yang ingin disampaikan.

Kesimpulannya, karya Usman Awang menyumbang bukan sahaja kepada dunia kesusasteraan tetapi juga turut menyumbang kepada

bahasa dan linguistik. Pengolahan idea dalam karya beliau menjadikan pengaplikasian ilmu linguistik mampu menghuraikan sudut semantik atau kajian makna dengan lebih khusus. Kajian makna ini juga secara tidak langsung melihat puisi tersebut bukan sekadar penghibur duka lara atau alat melepaskan emosi semata-mata tetapi sebagai suatu wadah kebijaksanaan yang terkandung amanat dan suara juang golongan penulis suatu ketika dahulu. Ketajaman mata pena yang akhirnya menghasilkan suatu karya yang bukan sahaja dinilai secara kreatif tetapi juga sebagai suatu kajian yang bermakna.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, terj. 1989. *Semantik*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Abdullah Hassan. 2007. *Linguistik Am*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. 2001. *Teori dan Teknik Terjemahan*. Seri Kembangan: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Anis Sabirin. 1973. *Mengenal Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Halilah Haji Khalid. 2006. *Usman Awang dalam Esei dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. 1984. *Pengalaman Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ruth M.Kempson. 1991. *Teori Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- S.Nathesan. 2002. *Makna dalam Bahasa Melayu*, Edisi Kedua. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Zurinah Hassan. 1990. *Sasterawan Negara Usman Awang*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Amirah binti Che Soh
E-mel: miyranur@gmail.com
- Rohaidah Kamaruddin (Ph.D)
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia.
E-mel: rohaidah_k@upm.edu.my

Diserahkan: 18 Mac 2015

Diterima: 19 Julai 2016